

09/10/1998

Buku: Kemas yakin capai sasaran

KEMENTERIAN Pembangunan Luar Bandar yakin Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) mampu mencapai sasaran satu juta kutipan bahan bacaan menerusi Kempen Derma Buku menjelang akhir bulan ini.

Pegawai Perpustakaan kementerian itu, Zulkifli Abdul Samad, berkata sasaran itu boleh dicapai melalui sumbangan pelbagai pihak terutama dari kedai buku, syarikat penerbitan dan percetakan.

Sehingga kini, katanya, hampir 400,000 bahan bacaan disumbangkan oleh pelbagai pihak sejak kempen itu dilancarkan Ogos lalu.

Menurutnya, pihaknya akan menerima sumbangan buku daripada 12 syarikat penerbitan dan percetakan di seluruh negara bagi menjayakan kempen bertujuan mewujudkan budaya celik huruf.

"Sehingga ini, beberapa syarikat penerbitan dan percetakan sudah mendermakan buku ke pusat pengumpulan kami."

"Selain itu, Persatuan Penerbit Buku Malaysia (Mabopa) akan menyumbangkan buku secara pukal, 10 Oktober ini."

"Selain itu, penerbit dan pencetak yang akan menderma buku ialah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Utusan Publication, Persatuan Pengimport Buku Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)," katanya kepada pemberita di Ipoh, semalam.

Hadir sama ialah Pengarah Kemas Perak, Ghazali Ibrahim.

Perasmian Kempen Derma Buku dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 5 Ogos lalu.

Bagaimanapun, kempen yang bertujuan memperbanyakkan koleksi bahan bacaan serta mencapai 100 peratus celik huruf menjelang 2000 itu, dilanjutkan sehingga 31 Oktober ini berikutan sasaran kutipan satu juta buku gagal mencapai matlamatnya.

(END)